

**KESAN DAN PERANAN PELABURAN LANGSUNG ASING
KE ATAS PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA**

Kertas Penyelidikan ini dikemukakan
bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan
Ijazah Sarjana Ekonomi
Universiti Utara Malaysia

Oleh
Sumaffiatiee Binti Sulong

KEBENARAN MERUJUK KERTAS PENYELIDIKAN

Kertas Penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan program Sarjana Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan samada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas penyelidikan ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran Penyelia kertas penyelidikan atau Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial dan keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada Penyelidik. Pernyataan rujukan kepada Penulis dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas kertas penyelidikan ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas penyelidikan ini samada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui :

Dekan Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Kesan pelaburan langsung asing (PLA) ke atas pembangunan ekonomi telah menjadi tumpuan kepada ramai penyelidik. PLA dipercayai mendatangkan kesan positif kepada negara penerima atau negara tuanrumah dalam bentuk sumber modal, kemahiran pengurusan, dan teknologi. Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang mengatakan PLA mendatangkan kesan yang tidak diinginkan kepada imbalan pembayaran.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan dan peranan yang dimainkan oleh PLA ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dengan menggunakan kaedah penganalisan ke atas kajian-kajian lepas, didapati bahawa, PLA mendatangkan kesan bersih yang positif. Ia meningkatkan jumlah pekerjaan, menyediakan akses kepada pasaran eksport dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Walau bagaimanapun, ada kalanya ia menyebabkan defisit dalam imbalan pembayaran negara.

Keputusan yang diperolehi mencadangkan bahawa, jika negara ingin mengekalkan pertumbuhan ekonomi, lebih banyak tumpuan perlu diberikan kepada meningkatkan sektor eksport, meningkatkan produktiviti buruh dan menggerakkan tabungan domestik, berbanding dengan terlalu bergantung kepada modal asing. Daripada keputusan yang diperolehi, diharap ia dapat dijadikan panduan kepada pembuat-pembuat polisi bagi merancang dan memastikan PLA yang memasuki Malaysia dapat dioptimalkan faedahnya bagi kepentingan negara.

ABSTRACT

The effects of foreign direct investment (FDI) on economic development have been the focus of attention of many researchers. FDI is believed to bring in positive effects to the host country in terms of source of capital, management, technology and many more for the developing world and economies in transition. The critical literature, however, maintains that FDI have undesirable effects on the balance of payments position.

The purpose of this research is to identify the impact and the role of FDI on the Malaysian economy. Based on the literature review, it is found that the net effect of FDI is positive. It increases job opportunities, provide access to export market and access to research and development activities. However, it also cause the balance of payments to be deficit.

The findings suggest that if the country wishes to sustain economic growth, greater efforts will have to be directed towards improving manufacturing sector, increasing labor force productivity and mobilizing domestic savings, rather than relying heavily on foreign capital. From the results obtained, hopefully it can be used as a guideline to the policy makers in order to get an optimum benefits from the FDI.

PENGHARGAAN

Dalam proses menyiapkan kertas ilmiah ini, banyak cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi. Walau bagaimanapun, berkat ketekunan dan kesabaran, ia berjaya juga disiapkan akhirnya. Banyak pihak yang telah memberi bantuan, tunjuk ajar dan sokongan moral. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Pertama sekali, syukur ke hadrat Ilahi kerana saya diberikan kekuatan dan kesabaran bagi menyiapkan kertas ilmiah ini. Kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Fatimahwati Ibrahim, terima kasih di atas bantuan, kritikan dan tunjuk ajar yang diberikan. Kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM), ucapan penghargaan di atas bantuan biasiswa dan cuti belajar yang diperuntukkan.

Terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan juga kepada kakitangan perpustakaan Universiti Sultanah Bahiyah, UUM di atas kerjasama yang diberikan. Tidak dilupakan, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada keluarga, suami dan anak-anak di atas pengorbanan masa dan tenaga yang banyak dicurahkan.

Semoga Allah memberkati segala usaha dan bantuan yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

Sumaffiatiee Sulong

Mac 2003

KANDUNGAN

	Halaman
KEBENARAN MERUJUK	I
ABSTRAK	II
ABSTRACT	III
PENGHARGAAN	IV
SENARAI KANDUNGAN	V
SENARAI JADUAL	VIII
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Syarikat-syarikat Multinasional dan Proses Internasionalisasi	2
1.2 Aliran Pelaburan Langsung Asing Dunia	6
1.3 Sejarah dan Perkembangan Pelaburan Langsung Asing di Malaysia	10
1.4 Pernyataan Masalah	15
1.5 Objektif Kajian	
1.5.1 Objektif umum	17
1.5.2 Objektif khusus	17

1.6	Kepentingan Kajian	18
1.7	Skop dan Kekangan Kajian	18
BAB 2 : ULASAN KARYA		20
BAB 3 : METODOLOGI		
3.1	Kaedah Kajian	28
3.2	Jenis Data	28
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	29
3.4	Sumber Maklumat	29
BAB 4 : KESAN DAN PERANAN PELABURAN LANGSUNG ASING		
4.0	Pendahuluan	30
4.1	Ciri-ciri Pelaburan Langsung Asing	
4.1.1	Negara sumber dan lokasi	31
4.1.2	Saiz dan jenis	33
4.2	Penentu-penentu Pelaburan Langsung Asing	33
4.3	Peranan dan Kesan Pelaburan Langsung Asing	
4.3.1	Penciptaan peluang pekerjaan	34
4.3.2	Peningkatan pengeluaran dan eksport	35
4.3.3	Pembangunan kemahiran dan latihan gunatenaga	36
4.3.4	Pemindahan teknologi	37

4.3.5	Akses kepada aktiviti-aktiviti	
	penyelidikan dan pembangunan	39
4.3.6	Pembangunan industri sokongan / rangkaian industri	39
4.3.7	Akses kepada pasaran eksport	41
4.3.8	Ketidakseimbangan wilayah dan pengagihan	41
4.3.9	Defisit di dalam imbalan pembayaran	42
4.3.10	Penggunaan bahan tempatan yang rendah	44
4.3.11	Saingan kepada firma-firma tempatan	45
BAB 5 :	CADANGAN DAN KESIMPULAN	46
RUJUKAN		51

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1 : Pertumbuhan keluaran dunia dan pelaburan langsung asing : 1960-1989.	7
Jadual 2 : Sepuluh senarai teratas penerima (NSM) pelaburan langsung asing.	9
Jadual 3 : Peratusan asing dalam pengeluaran biji timah Malaysia bagi tahun 1914-1954.	11
Jadual 4 : Pelaburan asing dalam industri elektronik.	13
Jadual 5 : Malaysia : Pelaburan langsung asing (US\$ juta).	14

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini cuba mengkaji dan menganalisa kesan dan peranan yang dimainkan oleh pelaburan langsung asing (PLA) ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ia dimulakan dengan memberi gambaran ringkas sejarah perkaitan di antara syarikat-syarikat multinasional (MNCs) dan pelaburan langsung asing, aliran dan perkembangan PLA dunia serta di Malaysia. Bab 2 ialah ulasan karya, yang akan menjelaskan tentang perkaitan di antara kesan dan peranan PLA ke atas pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pengalaman-pengalaman yang ditempohi oleh negara lain akan dianalisa dan cuba dikaitkan dengan senario PLA di Malaysia. Bab seterusnya ialah bab 3 yang akan menjelaskan secara ringkas kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Kesan dan peranan yang dimainkan oleh PLA ke atas ekonomi Malaysia akan dibincangkan secara terperinci di dalam bab 4. Di antaranya ialah sumbangan PLA ke atas penciptaan peluang-peluang pekerjaan, kemahiran dan latihan gunatenaga, peningkatan teknologi dan lain-lain lagi. Bahagian terakhir adalah bab 5 yang akan membuat kesimpulan

perbincangan dan cuba memberikan cadangan dan pendapat berkaitan PLA yang perlu dilaksanakan oleh Malaysia.

1.1 Syarikat-Syarikat Multinasional dan Proses Internasionalisasi

Syarikat-syarikat multinasional atau ringkasnya lebih dikenali sebagai MNCs, merupakan satu-satunya faktor terpenting yang mempromosi pengeluaran global ke pelbagai lokasi. Ia juga menyumbang kepada bermulanya pembentukan pusat-pusat pengeluaran atau perkilangan di sesebuah negara. Permulaan abad ke dua puluh menyaksikan pertumbuhan pesat syarikat-syarikat ini. Harvard Multinationals Project menganggarkan bilangan anak-anak syarikat di luar negara yang ditubuhkan oleh MNCs adalah pada kadar 25 buah setahun di antara tahun 1914 dan 1919. Di dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an, jumlah ini meningkat kepada 70 buah setahun. Pada permulaan tahun-tahun 1950an, ia meningkat kepada 100 buah setahun. Di akhir 1950an, pertumbuhannya adalah lebih cepat iaitu pada kadar 200 buah setahun.

Peningkatan drastik di dalam pelaburan luar negara berlaku dalam tahun-tahun 1960an apabila 500 buah anak-anak syarikat yang baru ditubuhkan setiap tahun pada separuh abad pertama, manakala pada separuh abad yang kedua, jumlahnya ialah 650 buah (Brookfield, 1994, 104). Ruffin (1998) menyatakan bahawa, pada masa tersebut (1998) terdapat 35,000 MNCs di seluruh dunia dengan 150,000 anak syarikat asing.

Menurut Dunning (1988,191) MNCs merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti di luar daripada negara ia ditubuhkan, yang melibatkan aktiviti yang produktif dan mempunyai nilai ditambah. Ia juga merupakan syarikat yang melibatkan diri di peringkat antarabangsa. Sejauh mana penglibatan mereka di dalam pengeluaran asing akan bergantung kepada kelebihan pemilikan (ownership (O) advantages) dan anugerah lokasi (locational (L) endowments) negara asal dan negara asing.

Manakala Wilkins (1988, 23-24) menganggap perkataan ‘syarikat multinasional’ dan ‘pelaburan langsung asing’ sebagai sinonim, tetapi adalah lebih tepat jika ia dilihat dari sudut perhubungan di antara keduanya; iaitu syarikat-syarikat multinasional membuat pelaburan langsung asing – serta melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan dengannya. Wilkins mendefinisikan MNCs sebagai satu syarikat yang beribupejabat di satu negara (home country) dan beroperasi sekurang-kurangnya di satu negara asing (host country) atau di luar negara. MNCs melibatkan kawalan, atau potensi untuk mengawal, atau sekurang-kurangnya potensi untuk mempengaruhi merentasi sempadan (cross border).

Isu samada operasi MNCs berfaedah kepada negara-negara dunia ketiga telah menjadi perdebatan sejak sekian lama. Ia masih lagi diperdebatkan kerana perbezaan dan perubahan peranan yang dimainkan oleh MNCs akibat daripada isu-isu baru seperti perubahan penekanan daripada sektor pertama kepada sektor pengeluaran atau perkilangan, serta akibat daripada proses globalisasi.

Dunning dan Archer (1987, 68-69), Ethier (1986) serta Chia (1998) membincangkan tiga syarat yang perlu dipenuhi oleh sesebuah firma jika ingin terlibat di dalam PLA, iaitu; memiliki kelebihan khusus meliputi aset tidak ketara (seperti teknologi, paten dan kemahiran pemasaran) serta kemampuan untuk mengurus (seperti kemahiran pengurusan dan koordinasi) aset syarikat terutamanya jika melibatkan pelbagai aktiviti di pelbagai lokasi geografi. Kelebihan ini dikenali sebagai 'ownership (O) advantages'. Apabila syarat ini dipenuhi, adalah lebih berfaedah jika syarikat menggunakan sendiri kelebihan tersebut berbanding jika ia dijual atau dipajak kepada firma asing. Kelebihan ini dikenali sebagai 'internalization (I) advantages'. Syarat ketiga ialah, adalah lebih menguntungkan jika firma menggunakan kelebihan ini bersama-sama faktor input (contohnya sumber semulajadi, pasaran domestik yang besar, kos buruh yang rendah) yang terdapat di negara tuanrumah. Kelebihan ini dikenali sebagai 'locational (L) advantages'.

Sumbangan pelaburan langsung asing oleh MNCs kepada pembangunan sebenar sesebuah negara boleh diukur menggunakan enam (6) kriteria. Memetik daripada Sklair (1989), Mohd Nazari Ismail (1995, 25-26) membincangkan enam kriteria tersebut iaitu:

1. Rantaian. Jumlah import (rantai belakang) input firma dan jumlah eksport (rantai hadapan) barangan firma yang datang dan pergi ke negara tuanrumah adalah dipanggil rantai. Lebih besar tahap rantai belakang (bahan mentah, komponen, perkhidmatan) dan rantai hadapan (jualan kepada industri barangan pertengahan) yang dicapai

dengan negara tuanrumah, maka lebih besar kemungkinan akan berlakunya pembangunan sebenar.

2. Peningkatan status personel. Lebih tinggi nisbah pekerja tempatan berbanding pekerja asing, seperti pengurus dan kakitangan peringkat atasan, maka lebih besar kemungkinan berlakunya pembangunan sebenar.
3. Pengekalan pertukaran asing. Lebih besar nilai ditambah dan lebih tinggi tahap mata wang asing yang dikekalkan di dalam negara tuanrumah, maka lebih besar kemungkinan berlakunya pembangunan sebenar.
4. Pemindahan teknologi sebenar. Lebih besar pemindahan teknologi yang benar-benar wujud, maka lebih besar kemungkinan berlakunya pembangunan sebenar.
5. Keadaan buruh. Lebih selesa persekitaran kerja berbanding keadaan sebelumnya, maka lebih besar kemungkinan berlakunya pembangunan sebenar.
6. Pengagihan. Pengagihan kos dan faedah yang lebih adil di antara pelabur asing, penduduk tempatan, dan kerajaan negara tuanrumah, maka lebih besar kemungkinan berlakunya pembangunan sebenar.

Pendekatan-pendekatan berbeza yang digunakan untuk menerangkan peranan MNCs dan pembangunan ekonomi memberikan pendapat yang berbeza. Pengalaman berbeza yang dialami oleh negara-negara di dunia menambahkan lagi perdebatan mengenai peranan yang dimainkan oleh MNCs dan pelaburan langsung asing. Contohnya, negara-negara Asia Timur seperti Korea, Singapura, dan Taiwan menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan, manakala beberapa buah negara Afrika dan Amerika Latin silih berganti mengalami krisis ekonomi (Mohd Nazari Ismail, 1995).

1.2 Aliran Pelaburan Langsung Asing Dunia

Perkembangan MNCs menggambarkan peningkatan integrasi dan globalisasi dunia ekonomi, dan ia merupakan fenomena yang dikaitkan dengan zaman selepas Perang Dunia Kedua. Zaman ini dikaitkan dengan aliran besar-besaran pelaburan langsung dan juga pertumbuhan pesat MNCs. Bermula pada tahun 1960an, perdagangan antarabangsa berkembang lebih cepat daripada pendapatan, manakala pelaburan langsung asing berkembang jauh lebih cepat berbanding perdagangan antarabangsa. Jadual 1 (di mukasurat 7) menunjukkan perbandingan di antara kadar pertumbuhan pendapatan dan stok pelaburan langsung asing.

Jadual 1

Pertumbuhan keluaran dunia dan pelaburan langsung asing : 1960-1989

Pertumbuhan (% / tahun)		
Keluaran dunia (KDNK)	4 (1965-1980)	3 (1980-1989)
Stok pelaburan langsung asing	11(1960-1980)	5 (1980-1985)

Sumber: World Bank 1991 : 207 and UNCTC 1988 : 24 (Edwards, 1994).

Menurut Ruffin (1998), negara-negara di seluruh dunia semakin bersikap terbuka dalam menerima pelaburan langsung asing. Bagi tempoh 1985 hingga 1990, PLA global tumbuh pada kadar empat kali ganda lebih cepat daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dan dua kali ganda lebih cepat daripada pelaburan domestik. Sepanjang tahun 1991, 35 negara membuat 82 perubahan berkaitan dengan polisi PLA. Hampir kesemua (80) daripada perubahan ini menuju kepada polisi terhadap PLA yang lebih liberal.

Aliran PLA di seluruh dunia tidak samarata. Dalam tahun 1990, aliran PLA dunia adalah lebih kurang \$225 billion. Kira-kira tiga per empat daripada PLA ini beredar di antara negara-negara maju; dua per tiga aliran selebihnya yang diterima oleh negara-negara sedang membangun (NSM) beredar di antara sepuluh buah negara sahaja.

Walau bagaimanapun, aliran PLA ke negara-negara sedang membangun meningkat dua kali ganda lebih cepat berbanding kadar pertumbuhan KDNK negara masing-masing.

Di negara-negara sedang membangun, salah satu sumber penting modal luaran ialah PLA. Dari tahun 1980-1985 kepada 1986-1990, peratusan aliran modal merangkumi PLA telah meningkat daripada 30 peratus kepada 75 peratus. Dalam tahun 1990, \$32 billion PLA diterima oleh NSM, dengan Asia berjaya menarik \$19.5 billion (61 peratus). Dalam erti kata lain, NSM di Asia menerima kurang daripada 10 peratus daripada aliran PLA dunia. NSM di Amerika Latin menerima kurang daripada 5 peratus daripada aliran PLA semasa (1990) dunia.

Ekoran daripada krisis hutang antarabangsa (yang berlaku di awal tahun 1980an), penerimaan ekonomi Asia kepada PLA dan prospek makroekonomi yang ditunjukkan oleh ekonomi Asia, terdapat kecenderungan ke atas PLA untuk berganjak daripada Amerika Latin kepada Asia. Jadual 2 (di mukasurat 9) menunjukkan perubahan sepuluh (10) buah negara penerima PLA di dalam tiga abad yang lepas. Dalam tahun 1970-1979, Asia diwakili oleh empat buah negara iaitu Hong Kong, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Di abad berikutnya, Republik Rakyat China, Taipei, China, dan Thailand menyertai senarai sepuluh negara teratas, dengan Brazil diganti oleh Singapura sebagai penerima terbesar. Dalam tahun 1980an, Hong Kong, Republik Rakyat China, Malaysia, Singapura, Taipei, China, dan Thailand menerima PLA sebanyak \$7.4 billion setiap tahun. Menurut Alburo (1992), Negara-negara Perindustrian Baru (NIEs) dan empat negara ASEAN (Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand), termasuk China

menerima lebih 90 peratus daripada jumlah aliran PLA ke NSM pada tahun 1980an. Pada tahun 1997, China merupakan negara terbesar penerima PLA di kalangan NSM.

Jadual 2

Sepuluh senarai teratas penerima (NSM) pelaburan langsung asing

Negara	1970-1979	Negara	1980-1990	Negara	1997
Brazil	11.3	Singapura	2.3	China	37.0
Mexico	0.6	Mexico	1.9	Brazil	15.8
Mesir	0.3	Brazil	1.8	Mexico	8.1
Malaysia	0.3	Republik Rakyat China	1.7	Indonesia	5.8
Nigeria	0.3	Malaysia	1.1	Poland	4.5
Singapura	0.3	Hong Kong	1.1	Malaysia	4.1
Indonesia	0.2	Mesir	0.9	Argentina	3.8
Hong Kong	0.1	Argentina	0.7	Chile	3.5
Iran	0.1	Thailand	0.7	India	3.1
Uruguay	0.1	Taipei, China	0.5	Venezuela	2.9
Nisbah aliran	66	Nisbah aliran	68	Nisbah aliran	72.3

Sumber : United Nations, World Investment Report 1992 : New York (Ruffin, 1998)
dan Global Development Finance, World Bank Debtor Reporting System,
World Bank 1998 (Moran, 1998).

Diawal perkembangannya, pelaburan langsung didominasi oleh MNCs dari Amerika Syarikat, tetapi semenjak tahun 1960an, apabila ekonomi Amerika secara bandingannya merosot, pelaburan langsung asing daripada syarikat-syarikat Jerman dan Jepun pula semakin penting (Edwards, 1994). Bagi ASEAN, selain daripada pelabur-pelabur tradisional seperti AS, UK, Jerman Barat, Belanda dan Perancis, Jepun muncul sebagai pelabur penting dalam tahun 1970an, manakala negara perindustrian baru Asia (NIEs) merupakan pelabur penting dalam tahun-tahun selepas 1987 (Chia, 1998).

1.3 Sejarah dan Perkembangan Pelaburan Langsung Asing di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat menarik kepada pelabur asing kerana keadaan politiknya yang stabil. Di samping itu, sistem ekonominya merupakan salah satu daripada ekonomi yang sangat terbuka (kadar keterbukaan: peratus kepada KDNK Malaysia ialah 110.5 (1982), 146.9 (1990) dan 217.8 (1999)) dan dinamik berbanding negara-negara lain di dunia ketiga. Dalam tahun 1970an, pertumbuhan ekonominya adalah pada kadar 7.8% dan eksportnya hampir menyamai 1 1/2 daripada perbelanjaan aggregate negara.

Menurut Edwards (1994), dalam tempoh penjajahan hingga kemerdekaan (1957), pelabur asing terbesar ialah British, yang mendominasi dua industri eksport utama iaitu getah dan biji timah (sila rujuk Jadual 3 di mukasurat 11). Di tahun 1950an dan 1960an, pelaburan asing mendominasi ekonomi Malaysia. Pelabur asing yang didominasi oleh British menguasai sektor perlombongan, perladangan, perdagangan

luar, perkapalan dan sektor-sektor kewangan. Dalam tahun 1955, bank-bank luar negara menguasai 75% daripada jumlah deposit negara.

Jadual 3

Peratusan asing dalam pengeluaran biji timah Malaysia bagi tahun 1914-1954

Tahun	Peratus
1914	25
1924	45
1930an	65-70
1954	62

Sumber : Khor, 1983 : 39, 57 (Edwards, 1994).

Tahun-tahun selepas kemerdekaan (1970an dan 1980an) menyaksikan peningkatan dua kali ganda dalam nilai sebenar pelaburan langsung asing. Menurut Ariff dan Lim (1987), 70% daripada modal asing adalah daripada pelabur British iaitu sebanyak 33 juta pound dalam tahun 1913, meningkat kepada 108 juta pound menjelang tahun 1980. Walaupun nilainya meningkat, tetapi pemilikan sektor asing semakin berkurang. Keadaan ini digantikan dengan peningkatan ketara pemilikan oleh kaum bumiputera dan peningkatan kecil warganegara Malaysia yang lain (hasil daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru – DEB yang dilancarkan pada tahun 1970).

Selepas kemerdekaan, Malaysia telah menjalankan program kepelbagaian ekonomi (memberi penekanan kepada aktiviti ekonomi selain daripada yang berasaskan sumber semulajadi). Banyak program telah dijalankan bagi meningkatkan lagi perkembangan sektor perindustrian. Di antaranya ialah peraturan yang lebih liberal dilaksanakan dalam tahun 1965-1968 yang berkaitan dengan polisi perindustrian. Status perintis diperkenalkan bagi menyokong aktiviti pergantian import dan pembuatan, manakala perubahan kepada industri berorientasikan eksport digalakkan melalui pembentukan Zon Perdagangan Bebas (FTZs) bermula dari tahun 1972 (Lindblad, 1997).

Industri elektronik yang merupakan sektor pembuatan utama Malaysia sangat bergantung kepada MNCs. Pelaburan asing dalam industri elektronik menyumbang 86% daripada keseluruhan pelaburan dalam sektor pembuatan (sila rujuk Jadual 4 di mukasurat 13). Malaysia kini merupakan lokasi utama operasi syarikat gergasi dunia dalam industri elektronik seperti Motorola, Intel, Fujitsu, Sharp, Matsushita, Hitachi dan Sony.

Jadual 4

Pelaburan asing dalam industri elektronik

Tahun	Jumlah pelaburan asing (RM billion)	Jumlah pelaburan (RM billion)	% pelaburan asing kepada jumlah pelaburan (%)
1991	1.94	2.255	86.0
1992	0.563	0.885	63.6
1993	1.588	1.919	82.8
1994	4.473	5.555	80.5
1995	2.282	2.759	82.7
1996	8.995	11.816	76.1
1997	2.730	5.392	50.6
1998	1.422	1.653	86.0

Sumber : MIDA

Jadual 5 menunjukkan aliran kemasukan PLA ke Malaysia dari tahun 1980 hingga 1998. Secara umumnya, kemasukan PLA ke Malaysia semakin meningkat dengan pencapaian maksimum pada tahun 1992. Selepas tahun 1997, jumlah kemasukan PLA semakin berkurang. Fenomena ini disebabkan oleh kesan daripada krisis kewangan yang berlaku di rantau Asia Tenggara yang menyaksikan aliran keluar besar-besaran modal iaitu sebanyak US\$30 billion dalam tahun 1997 (Elek & Wilson, 1999).

Jadual 5

Malaysia : Pelaburan langsung asing (US\$ juta)

Tahun	Pelaburan langsung asing
1980	934.0
1990	2333.0
1991	3998.0
1992	5183.0
1993	5006.0
1994	4341.8
1995	4178.2
1996	5078.0
1997	5136.5
1998	2163.4
1999	1552.9

Sumber : WB, Global Development Finance 2001 CD-ROM.

Diubahsuai daripada : Growth and change in Asia and the Pacific : Key indicators 2001
of Developing Asian and Pacific Countries (Table 32 dan 33).

Perdagangan negara yang lebih liberal dan polisi-polisi pelaburan yang diwujudkan mampu menarik kemasukan lebih banyak pelaburan asing. Ini ditambah dengan peralihan dasar daripada dasar penggantian import kepada dasar berorientasikan eksport. Pelabur-pelabur asing juga telah bertambah, bukan hanya terdiri daripada pelabur tradisional (seperti Amerika Syarikat dan Jepun), tetapi juga pelabur-pelabur dari negara-negara berjiran (cross-border investors). Menurut Ariff (1992), fenomena terbaru ialah kemunculan Ekonomi Perindustrian Baru (NIE) Asia Utara dan Timur, terutamanya Taiwan yang menjadi penyumbang utama kepada kemasukan PLA ke Malaysia. Contohnya, peratusan PLA yang diluluskan dari NIEs telah meningkat kepada 41.8 peratus dalam tahun 1990 daripada 1.3 peratus dalam tahun 1982. Sebahagian besar peningkatan ini disumbangkan oleh Taiwan iaitu sebanyak 36.0 peratus dalam tahun 1990 berbanding 0.3 peratus dalam tahun 1982.

1.4 Pernyataan Masalah

Pelaburan langsung asing dilihat sebagai salah satu sumber penting di dalam pembangunan sesebuah negara. Walau bagaimanapun, kesan dan peranan yang dimainkannya masih lagi menjadi perdebatan kerana terdapat bukti-bukti yang menunjukkan ia bukan hanya mendatangkan kesan positif, tetapi juga kesan negatif. Kesan PLA ke atas sesebuah negara adalah berbeza, dan ia bergantung kepada banyak faktor.

Di Malaysia, kajian yang telah dijalankan menunjukkan PLA memberikan kesan positif dan juga kesan negatif. Walau bagaimanapun, kesan bersih daripada PLA ini adalah positif. Memandangkan peranan besar yang dimainkan oleh PLA ke atas pembangunan negara, maka perlunya banyak kajian dilakukan bagi mengenali secara lebih dekat dan khusus PLA yang masuk ke Malaysia. Ini bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan secara positif dan optima.

Pelaburan langsung asing merupakan satu topik yang menarik dan sentiasa mendapat perhatian ramai pengkaji. Ini mungkin disebabkan oleh kepentingannya kepada pembangunan negara dan kelebihanannya berbanding sumber modal lain seperti pinjaman, bantuan dan hutang. Mengikut sejarah, Malaysia merupakan salah satu negara yang berjaya menarik minat pelabur asing sejak sebelum kemerdekaan lagi, dan sehingga sekarang, Malaysia merupakan salah satu negara sedang membangun yang masih lagi menarik kepada pelabur asing.

Melalui kajian ini, penulis berharap dapat mengumpulkan seberapa banyak maklumat mengenai PLA di Malaysia. Di antaranya ialah apakah ciri-ciri PLA yang terdapat di Malaysia, negara manakah yang lebih berminat untuk melabur, adakah Malaysia lebih diminati oleh firma asing bersaiz besar, sederhana atau kecil, sektor manakah yang lebih diberi tumpuan oleh pelabur asing dan sebagainya.

Di samping itu, kajian ini dilakukan bagi mengumpul maklumat mengenai sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh PLA ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui sumbangannya kepada penciptaan peluang pekerjaan, peningkatan

kemahiran dan latihan pekerja tempatan, akses kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan, sumbangan kepada peningkatan eksport, sumbangannya kepada rantaian domestik, kesan kepada imbangan pembayaran dan lain-lain lagi.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif umum

Objektif kajian ini ialah untuk melihat dan menganalisa kesan dan peranan pelaburan langsung asing ke atas ekonomi Malaysia.

1.5.2 Objektif khusus

Objektif khusus kajian adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri pelaburan, penentu-penentu pelaburan, sumber pelaburan dan jenis aktiviti ekonomi yang menarik minat pelabur serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan pelaburan langsung asing di Malaysia.

Di samping itu, kajian ini juga akan menekankan kepada perbincangan terhadap kesan dan peranan pelaburan langsung asing ke atas penciptaan peluang pekerjaan, sumbangan kepada pembangunan kemahiran dan latihan gunatenaga, akses kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta kepada pasaran eksport, sumbangannya kepada industri sokongan dan penggunaan bahan mentah

tempatan. Selain daripada itu, kesan pelaburan langsung asing ke atas imbalan pembayaran negara, keseimbangan pengagihan di antara wilayah serta kesannya ke atas firma-firma tempatan juga akan dikenalpasti.

1.6 Kepentingan Kajian

Pelaburan langsung asing merupakan sumber yang terhad dan berperanan penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Oleh kerana wujudnya persaingan yang sengit bagi mendapatkan pelaburan ini, maka perlunya maklumat yang banyak dan tepat mengenainya bagi dijadikan panduan. Oleh sebab itu, hasil kajian ini diharap dapat memberi maklumat berguna dan menjadi panduan kepada pembuat-pembuat polisi dalam mempromosikan kemasukan pelaburan langsung asing ke Malaysia. Ia juga diharap dapat dijadikan maklumat tambahan di dalam proses membuat perancangan masa depan, seterusnya membantu para pengkaji yang berminat untuk membuat kajian lanjut ke atas kesan dan peranan pelaburan langsung asing di Malaysia.

1.7 Skop dan Kekangan Kajian

Skop kajian adalah untuk menganalisa kesan dan sumbangan pelaburan langsung asing dalam membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Didapati bahawa tidak banyak kajian, samada yang lama atau terkini yang menganalisa kesan dan sumbangan PLA di dalam negara, contohnya sumbangan PLA ke atas rangkaian ekonomi dan sumbangan ke

atas peningkatan kemahiran pekerja tempatan. Kebanyakan daripada ulasan-ulasan yang diperolehi adalah yang menggabungkan Malaysia dengan beberapa buah negara lain seperti ASEAN dan negara-negara sedang membangun.

BAB 2

ULASAN KARYA

Pembangunan dan pertumbuhan ekonomi berkait rapat dengan beberapa faktor dinamik, di antaranya ialah pertumbuhan input buruh (mahir dan tidak mahir), modal fizikal, dan teknologi (termasuk pengetahuan dan kemahiran pengurusan). Walaupun pertumbuhan buruh jangka panjang dianggap diperolehi melalui proses semulajadi, tetapi polisi-polisi berkaitan pekerjaan dan pendidikan adalah penting, termasuklah pertumbuhan penduduk. Manakala kadar pertumbuhan modal fizikal dan teknologi lebih dikaitkan dengan polisi-polisi ekonomi. Lazimnya, pelaburan tempatan menjadi fokus utama kepada teori-teori pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, dengan kemunculan teori-teori pertumbuhan yang baru, faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan seperti teknologi, kemahiran pengurusan dan teknikal, dan pengetahuan am yang luas telah menjadi kunci bagi memahami mengapa negara mengalami pembangunan dan pertumbuhan yang berbeza.

Kajian oleh Rana dan Dowling (1988) ke atas sembilan NSM Asia mendapati bahawa, pelaburan asing dan pertumbuhan tenaga buruh berperanan penting dalam

menentukan pertumbuhan ekonomi negara tersebut berbanding bantuan asing dan prestasi eksport. Pelaburan langsung asing khususnya, menyumbang kepada pertumbuhan melalui peningkatan sumber-sumber sedia ada bagi tujuan pembentukan modal dan meningkatkan kecekapan pelaburan.

Dalam ekonomi moden, pelaburan asing adalah penting bagi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, terutamanya apabila dirujuk kepada pengalaman-pengalaman negara-negara sedang membangun di Asia seperti Hong Kong, Singapura, Malaysia, Thailand dan yang terbaru ialah Republik Rakyat China, yang memperolehi faedah yang besar daripada PLA. Pada hari ini, PLA diterima umum sebagai salah satu di antara faktor penting dalam merealisasikan dunia ekonomi global (DeRosa, 1998).

Pertumbuhan dan pelaburan asing adalah seiring, walaupun ia mempunyai hubungan yang lebih kuat di tahun-tahun 1980an berbanding di tahun-tahun 1990an. Manakala pelaburan langsung asing terbukti sebagai aliran masuk yang paling penting bagi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Grenville, 1999). Selaras dengan dunia ekonomi yang lebih global, banyak negara menggalakkan kemasukan PLA. Dikatakan bahawa, permintaan terhadap PLA melebihi penawarannya. Oleh sebab itu, wujud persaingan yang sengit bagi menarik pelaburan ini. Di antara sebabnya ialah, negara tuanrumah ingin menyediakan komoditi atau barangan kepada rakyat tempatan dengan harga yang rendah. Ini mungkin kerana barangan tersebut tidak mampu atau tidak dapat disediakan oleh firma tempatan dengan harga yang rendah (Lahiri dan Ono, 1998).

Pelaburan asing dilihat mendatangkan kesan positif dan juga kesan negatif. Menurut teori ekonomi Klasikal dan Keynes, pelaburan asing mendatangkan kesan positif. Di antara sumbangan yang dihasilkan oleh pelaburan asing ialah membantu dalam pembentukan stok modal, pemindahan teknologi, meningkatkan peluang pekerjaan serta membantu dalam penggunaan sumber-sumber dalam negara dengan lebih baik. Manakala Marxist dan 'The Dependency' mengatakan bahawa pelaburan asing bermotifkan keuntungan dan bersifat eksploitasi. Ia membawa nilai-nilai materialistik, memusnahkan adat-adab tempatan, menyebabkan ekonomi yang sedang membangun tidak dapat berdikari dan ia menggambarkan ciri-ciri monopolistik (Shiong, 1997; Padayachee, 1995).

Menurut Lall (1993), selain daripada sumber pembiayaan, PLA juga membawa masuk teknologi baru dan menyediakan akses berterusan kepada perubahan teknologi. Ia juga menawarkan kemahiran dan kepakaran di dalam pengurusan dan pemasaran, menggalakkan persaingan tempatan, menyediakan akses kepada pasaran eksport dan membantu pembekal tempatan meningkatkan kualiti dan persaingan. Hubungan dengan MNCs juga dapat membantu NSM melibatkan diri dalam bidang yang memerlukan teknologi yang lebih moden.

Di Indonesia, kajian kesan pelaburan langsung asing ke atas pertumbuhan ekonomi negara tersebut bagi tahun 1970 hingga 1996 mendapati bahawa, pekali pelaburan langsung asing adalah signifikan, menunjukkan bahawa pelaburan langsung asing mempunyai kesan positif jangka panjang ke atas pertumbuhan ekonominya (Asafu-Adjaye, 2000).

Zhang (1995) dalam kajiannya, dengan merujuk kepada negara China mendapati bahawa, pelaburan langsung asing secara umumnya mendatangkan kesan positif kepada ekonomi. Di samping ia membawa masuk modal, pertukaran asing, teknologi dan kemahiran pengurusan dan keusahawanan, ia juga mendatangkan sumbangan yang berkesan kepada perkembangan pesat perdagangan antarabangsa dan memperbaiki prestasi eksport negara tersebut. Walaupun kerajaan menekankan kepada sektor intensif modal dan teknologi, tetapi sebahagian besar pelaburan asing ini bertumpu kepada sektor intensif buruh yang berpusat di beberapa bandar metropolitan seperti Beijing, Shanghai, Tianjin, Guangdong dan Fujian.

Peningkatan ketara peluang pekerjaan berlaku di antara tahun 1980 hingga tahun 1992, iaitu daripada 10,538 kepada 104,220 di Sri Lanka hasil daripada PLA. Lebih 90 peratus peluang ini diwujudkan oleh sektor pembuatan dan sumbangan firma asing dianggarkan 87 peratus. Walau bagaimanapun, menurut Athukorala (1995) kesan PLA ke atas rantaian kebelakang dan pemindahan teknologi adalah mengecewakan.

DeRosa (1998) menyatakan bahawa PLA menggalakkan persaingan, produktiviti dan inovasi oleh pembekal-pembekal tempatan. Mereka bersaing bagi mendapatkan kontrak daripada MNCs. Di dalam sektor pembuatan, PLA meningkatkan produktiviti firma tempatan yang menjalin usahasama dengan MNCs. Firma-firma tempatan ini cuba mencapai tahap seperti MNCs di negara asal mereka. Walau bagaimanapun, ia hanya berlaku dalam jangka masa panjang, iaitu apabila firma tempatan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran persaingan yang baru dan setelah pekerja tempatan berpeluang meningkatkan kemahiran melalui pengalaman dan latihan.

Lin (1995) menulis bahawa, tahap pemindahan teknologi bergantung kepada dua jenis PLA; iaitu 'defensive FDI' dan 'expansionary FDI'. Apabila iklim pelaburan di negara asal (home country) tidak lagi sesuai bagi industri tertentu - contohnya kadar upah buruh tempatan yang tinggi, maka sesetengah firma di negara asal akan ditutup atau memulakan perniagaannya di negara lain. Secara umumnya, pemindahan teknologi untuk 'defensive FDI' adalah lebih kecil, kerana MNCs lebih tertarik untuk mengeksploitasi faktor-faktor pengeluaran yang murah di negara tuanrumah. Di dalam kajian yang melibatkan 120 firma di Taiwan yang membuat pelaburan langsung di Tanah Besar China, didapati bahawa firma-firma ini menggunakan teknologi yang lebih baik dan pada masa yang sama, mereka cenderung untuk menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang banyak terdapat di negara tuanrumah.

Kajian Santiago (1987) terhadap kesan PLA kepada struktur eksport dan penciptaan peluang pekerjaan ke atas Puerto Rico mendapati bahawa, MNCs dari AS memberikan sumbangan yang penting kepada eksport. Hasil kajian mendapati bahawa, satu peratus kenaikan di dalam PLA akan menghasilkan tujuh peratus kenaikan di dalam nisbah purata eksport barang pembuatan, manakala bagi penciptaan peluang pekerjaan pelaburan asing ini memberi kesan positif melalui fungsi eksportnya. Walau bagaimanapun, PLA dari AS ini tidak memberi sumbangan yang secukupnya kepada gunatenaga yang semakin meningkat. Kebanyakan peluang pekerjaan tertumpu kepada kerja yang menawarkan upah yang tinggi dan yang menghasilkan produktiviti tinggi.

Berdasarkan data tahun 1982-1983, yang meliputi 72 pengurus atasan dan pertengahan di Kenya, Gershenberg (1987) mendapati bahawa anak-anak syarikat firma asing membantu dalam menyebarkan kemahiran pengurusan kepada rakyat tempatan. Sebahagian besar sumbangan ini datangnya daripada firma usahasama. Walau bagaimanapun, didapati bahawa syarikat awam juga menyumbang kepada penyebaran kemahiran pengurusan ini, terutamanya firma yang majoriti ekuitinya dipunyai oleh kerajaan dan lembaga pengarahnya adalah rakyat tempatan.

Kajian ke atas pengeluar-pengeluar Taiwan mendapati bahawa, di antara tahun 1986 dan 1994 'expansionary FDI' (PLA di negara yang mempunyai upah tinggi) menyebabkan peningkatan tambahan di dalam pertumbuhan jualan lebih kurang 56 peratus berbanding firma yang tidak mempunyai PLA. Secara purata, anak-anak syarikat MNCs di Taiwan hanya menjual 33.0 peratus barangan mereka kepada pasaran tempatan, manakala majoriti barangan di eksport ke pasaran antarabangsa (Chen dan Ku, 2000). Merujuk kepada Amerika Syarikat, Chen dan Ku mengatakan bahawa, PLA menyumbang kepada ketidakseimbangan pendapatan di antara pekerja mahir (yang mendapat upah secara bandingannya lebih tinggi) dan pekerja kurang mahir.

Salah satu sebab mengapa kesan pelaburan asing ke atas pertumbuhan produktivi terhad adalah kerana wujud jurang teknologi di antara firma asing dan firma tempatan. Jika jurang ini besar, firma tempatan mungkin tidak akan mendapat faedah daripada teknologi baru yang diperkenalkan oleh firma asing. Teknologi baru boleh diperolehi melalui pemindahan teknologi dalam bentuk barang modal dan input yang diimport, proses 'learning by doing', latihan-dalam-kerja, dan penyebaran teknologi yang berlaku

apabila pekerja tempatan berpindah daripada firma asing ke firma tempatan (Haddad dan Harrison, 1993). Saluran pemindahan teknologi yang paling penting ialah PLA dan projek-projek usahasama (Enos, Lall dan Yun, 1997; Marton, 1986).

Lindsey (1986) membuat kajian ke atas pemindahan teknologi di lima negara ASEAN termasuk Malaysia. Di dapati bahawa wujud pemindahan teknologi tetapi tahap dan kualiti pemindahannya adalah kecil. Teknologi dari Jepun dianggap lebih sesuai bagi ekonomi ASEAN, lebih murah, lebih menyeluruh, serta firma-firma Jepun lebih suka melibatkan diri di dalam pelaburan berbentuk usahasama.

Faedah daripada PLA dari segi limpahan dan pemindahan teknologi kepada negara tuanrumah boleh diperteguhkan lagi melalui peningkatan rangkaian. Jika wujud rangkaian kebelakang, yang melibatkan pembekal tempatan, maka keadaan ini akan melibatkan pemindahan teknologi dan mempromosikan pertumbuhan industri pembekalan tempatan. Ia juga akan meningkatkan penciptaan peluang-peluang pekerjaan (Belderbos, Capannelli dan Fukao, 2001).

Menurut Okamoto (1994), aliran masuk pelaburan langsung asing ke Malaysia bukan sahaja membantu perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi, malah ia juga menyumbang kepada perubahan struktur negara. Pelaburan langsung asing membantu mempelbagaikan sektor industri daripada industri tradisional dan berasaskan sumber kepada industri bukan tradisional dan industri bukan berasaskan sumber.

Kajian Jomo dan Kiong (2001) terhadap kesan modal asing ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia mendapati bahawa, PLA memberikan sumbangan penting. Hasil kajian mendapati, satu peratus kenaikan di dalam PLA menghasilkan lebih kurang 0.01 peratus kenaikan di dalam kadar pertumbuhan. Data yang digunakan ialah dari tahun 1966 hingga 1996. Daripada model yang dibina, didapati bahawa pembiayaan daripada PLA adalah lebih penting di tahun-tahun 1970an dan di akhir 1980an. Manakala dari segi saiz dan pekali statistik, didapati kadar tabungan tempatan adalah lebih penting daripada PLA dan juga hutang.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif, iaitu dengan melihat dan menganalisa hasil-hasil kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Melalui keputusan-keputusan yang diperolehi (yang kebanyakannya berasaskan negara-negara lain), keputusan ini cuba dibandingkan dan diselaraskan dengan Malaysia.

3.2 Jenis Data

Kajian ini menggunakan data sekunder kerana kesukaran untuk mendapatkan data primer. Data yang digunakan diperolehi daripada pelbagai tahun selaras dengan penerangan yang dibuat.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk penyelidikan perpustakaan. Kebanyakan maklumat diperolehi daripada Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM dan dibantu oleh perpustakaan negeri.

3.4 Sumber Maklumat

Maklumat dan data yang digunakan dalam kajian ini kebanyakannya diperolehi daripada Laporan Ekonomi, Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia, Laporan Kementerian Kewangan, Rancangan-rancangan Malaysia, jurnal-jurnal ekonomi, pelbagai buku dan lain-lain sumber yang berkaitan.

BAB 4

KESAN DAN PERANAN PELABURAN LANGSUNG ASING

4.0 Pendahuluan

Di dalam sejarah pembangunan ekonomi Malaysia, pelaburan langsung asing memainkan peranan penting. Pelaburan langsung asing sangat ketara di dalam sektor perladangan dan perlombongan di tahun-tahun 1950an, di dalam industri pergantian import di tahun-tahun 1960an, di dalam industri-industri berintensif buruh dan berorientasikan eksport di tahun-tahun 1970an, dan di dalam industri berintensif teknologi dan nilai ditambah di tahun-tahun 1980an. Di dalam setiap peringkat kitaran pelaburan ini, pelaburan langsung asing digunakan bagi menstruktur semula ekonomi Malaysia. Di tahun-tahun 1990an, pelaburan yang berintensifkan modal dan berteknologi tinggi lebih digalakkan.

Pelaburan langsung asing menyumbang kepada pertumbuhan melalui peningkatan potensi sumber-sumber sedia ada bagi tujuan pembentukan modal dan meningkatkan kecekapan pelaburan. Ia berbeza dengan bantuan asing yang hanya

menyumbang kepada pembentukan modal tetapi cenderung untuk mengurangkan kecekapan pelaburan.

4.1 Ciri-ciri Pelaburan Langsung Asing

4.1.1 Negara sumber dan lokasi

Setiap kitaran pelaburan yang dibincangkan di atas mempunyai negara utama yang menyumbang kepada jumlah pelaburan kepada ekonomi Malaysia. Di dalam tahun-tahun 1950an dan 1960an, pelabur terpenting ialah British. Menjelang kemerdekaan, British memiliki lebih daripada 90 peratus stok PLA di Malaysia. Dominasi British di dalam PLA berterusan sehingga awal tahun-tahun 1970an, apabila aliran pelaburan daripada Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman mula berkembang pesat terutamanya di dalam sektor pembuatan berorientasikan eksport.

Di awal 1980an, Jepun menjadi satu-satunya pelabur terbesar dari segi jumlah aliran tahunan. Taiwan muncul sebagai pelabur terbesar di Malaysia menggantikan Jepun pada tahun 1990 dan 1994, dengan nisbah pelaburan sebanyak 36 peratus dan 25.6 peratus. Malaysia muncul sebagai penerima modal daripada Taiwan yang kedua terbesar selepas AS. Peningkatan ketara dalam pelaburan Taiwan selepas tahun 1986 menggambarkan peningkatan kos buruh dan deregulasi kewangan di negara tersebut. Walau bagaimanapun, dari

segi jumlah pelaburan terkumpul, Jepun masih lagi pelabur terbesar, diikuti oleh Singapura, Amerika Syarikat (AS), Taiwan dan Britain.

Hampir semua pelaburan langsung asing British sebelum kemerdekaan bertumpu di dalam sektor pertama (terutamanya di dalam perlombongan bijih timah dan perladangan getah) dan sektor perkhidmatan yang berkaitan dengannya. Aliran PLA ke sektor pembuatan hanya bermula di akhir tahun 1950an, dan bagi dua dekad seterusnya, alirannya bertumpu kepada pengeluaran pergantian import. Pelaburan yang berorientasikan eksport mula berkembang secara perlahan semenjak pertengahan tahun 1970an.

Di akhir tahun 1980an, aliran pelaburan langsung asing mula berubah kepada pengeluaran bagi pasaran domestik yang menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran bagi pasaran global. Jumlah projek yang 50 peratus berorientasikan eksport meningkat daripada 24 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan dalam tahun 1984-1985 kepada 82 peratus bagi tempoh 1988-1989.

Selepas penumpuan di sektor perladangan dan perkilangan, kebanyakan pelaburan ini beralih kepada sektor pembuatan seperti barangan elektronik, kimia, tekstil dan mesin. Manakala di dalam sektor bukan pembuatan, pelaburan langsung asing agak ketara di dalam industri petroleum, hartanah dan perhotelan.

4.1.2 Saiz dan jenis

Daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang diluluskan, lebih daripada separuh pelaburan adalah berbentuk milikan penuh atau majoriti milikan asing. Manakala saiz pelaburan adalah lebih kecil berbanding sebelumnya. Ini kerana, kebanyakan syarikat-syarikat Jepun dan Taiwan yang melabur di Malaysia adalah bersaiz sederhana berbanding syarikat-syarikat dari AS. Kebanyakan daripada pelaburan ini adalah industri yang berorientasikan eksport. Secara purata, 60 peratus kos bahan yang digunakan di dalam industri yang bukan berasaskan sumber adalah terdiri daripada kandungan import.

4.2 Penentu-penentu Pelaburan Langsung Asing

Semakin kurang membangun sesebuah negara, maka semakin tinggi harapan negara tersebut ke atas PLA bagi membantu mengoptimalkan sumber negara dan kekangan kemahirannya. Aliran pelaburan langsung asing tidak samarata di antara negara. Pelabur asing berminat kepada lokasi pelaburan yang menawarkan kombinasi kelebihan lokasi yang paling sesuai.

Selain daripada penentu-penentu tradisional seperti sumber semulajadi yang banyak dan berkualiti, akses kepada pasaran tempatan dan kos buruh yang murah dan mahir, terdapat banyak lagi faktor-faktor lain yang selalu dibincangkan. Di antaranya ialah, penerimaan positif negara tuanrumah terhadap PLA (keterbukaan ekonomi), saiz pasaran yang besar, pertumbuhan ekonomi yang baik, kuasa beli yang tinggi,

persekitaran kerja dan taraf hidup yang moden, infrastruktur yang baik (pengangkutan, komunikasi, tenaga), keadaan politik yang stabil, polisi makroekonomi yang baik, serta ketepatan dan kestabilan polisi dan peraturan berkaitan pelaburan asing (contohnya pengecualian cukai dan pemberian subsidi).

Penentu-penentu baru lokasi PLA menggambarkan tiga pembangunan dari segi liberalisasi polisi, perkembangan teknikal yang pesat (terutamanya dari segi pengangkutan, komunikasi dan maklumat), dan teknik-teknik baru pengurusan organisasi. Kombinasi faktor-faktor ini akan mampu menarik minat pelabur asing jika disertakan dengan promosi pelaburan yang giat dan tepat.

4.3 Peranan dan Kesan Pelaburan Langsung Asing

Di Malaysia, pelaburan langsung asing didapati banyak mendatangkan kesan positif berbanding kesan negatif. Di antara peranan dan kesan pelaburan langsung asing ialah :

4.3.1 Penciptaan peluang pekerjaan

Malaysia akan terus cuba menarik PLA di masa hadapan, terutamanya dalam pembangunan yang berorientasikan eksport dan industri berteknologi tinggi. Ia penting dalam mewujudkan peluang pekerjaan, pembangunan kemahiran dan latihan gunatenaga, pembangunan industri-industri sokongan, pemindahan teknologi dan memberi ruang kepada pasaran eksport serta kemudahan penyelidikan dan pembangunan.

Semenjak awal tahun 1970an, PLA memainkan peranan penting dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan menerusi industri berintensif buruh seperti elektronik dan tekstil di Zon-zon Perdagangan Bebas (FTZs). Contohnya, jumlah pekerjaan dalam projek-projek yang melibatkan penyertaan asing yang telah diluluskan meningkat daripada 33,970 dalam tahun 1980 kepada 98,904 dalam tahun 1988. Ini merupakan peningkatan sebanyak 191%.

Dalam tahun 1989, sumber utama peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh projek-projek penyertaan asing yang telah diluluskan ialah industri barangan elektronik dan elektrik (27.7%), industri barangan getah (26.9%), industri barangan tekstil (9.7%), industri barangan kayu (7.8%) dan pembuatan makanan (5.5%). Dalam tahun 1990, firma-firma elektronik AS mengambil 45,900 pekerja atau 3.9 peratus jumlah pekerjaan di sektor pembuatan.

4.3.2 Peningkatan pengeluaran dan eksport

Kehadiran pelaburan asing dalam sektor pembuatan boleh dilihat melalui peningkatan jumlah pengeluaran dan jumlah eksport negara. Di antara industri yang terlibat ialah barangan plastik, elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan, kertas dan percetakan, perabot, dan barangan pembuatan lain. Bagi tempoh 1986-1990, sumbangan firma asing kepada eksport barangan di sektor pembuatan adalah lebih tinggi berbanding firma tempatan iaitu sebanyak 20.86 peratus berbanding 11.55 peratus oleh firma tempatan.

Ini menunjukkan bahawa, firma asing mempengaruhi tahap jumlah produktiviti faktor dalam sektor pembuatan. Terdapat dua mekanisme yang meningkatkan tahap produktiviti akibat daripada kemasukan firma asing ini. Pertama, firma asing ini adalah lebih produktif berbanding firma tempatan. Kedua, firma asing ini mungkin menyumbang kepada peningkatan tahap produktiviti oleh firma tempatan.

4.3.3 Pembangunan kemahiran dan latihan gunatenaga

Firma-firma yang mempunyai pelaburan asing memainkan peranan penting dalam melatih rakyat Malaysia, terutamanya dari segi kemahiran pengurusan dan teknikal. Latihan-latihan ini samada dijalankan di kilang-kilang dalam negara atau di syarikat-syarikat asal (parent companies).

Bagi melaksanakan pemodenan dalam proses pengeluaran dan sektor pembuatan, peningkatan dalam teknologi memerlukan kepada kemahiran yang tinggi dan memerlukan latihan semula. Bagi menggalakkan pembangunan sumber manusia oleh sektor-sektor swasta, insentif dalam bentuk pengurangan dua kali ganda diberikan ke atas perbelanjaan latihan yang diperkenalkan dalam bulan Oktober 1986.

4.3.4 Pemindahan teknologi

Teknologi dan keupayaan keusahawanan yang baik sangat penting dalam aktiviti-aktiviti ekonomi terutamanya dalam proses perindustrian. Kebanyakan industri moden di Malaysia yang memerlukan teknologi tinggi (seperti pengeluaran mesin, bahan kimia dan barangan elektronik) dipunyai oleh pelabur-pelabur asing atau usahasama yang melibatkan sumbangan ekuiti asing atau bantuan teknikal asing. Melalui cara ini, syarikat-syarikat tersebut mempunyai akses secara langsung kepada teknologi asing.

Pemindahan teknologi biasanya berlaku melalui pengenalan penggunaan teknologi-teknologi baru, penggantian atau peningkatan keupayaan peralatan yang sedia ada serta latihan kepada pekerja-pekerja Malaysia. Contohnya, melalui penswastaan projek lebuh raya Utara-Selatan, rakyat Malaysia didedahkan dengan teknologi, kemahiran dan kepakaran baru di dalam pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6), seiring dengan peningkatan pelaburan dalam industri berintensif modal dan teknologi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, teknologi yang diimport juga turut meningkat. Perubahan struktur perindustrian mempengaruhi permintaan yang bertambah terhadap berbagai teknologi dari negara luar (contohnya, industri automobil, minyak, gas dan aerospace). RM6 melaporkan bahawa, dalam tempoh 1990-1995, kemasukan teknologi mengikut perjanjian usahasama adalah

sebanyak 31 perjanjian, bantuan teknik sebanyak 349, kepakaran sebanyak 69 dan pengurusan sebanyak 12.

Bayaran bagi perolehan teknologi dari negara luar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 34% dalam tempoh 1991-1995, daripada kira-kira RM240 juta pada tahun 1990 kepada RM1.0 billion pada tahun 1995, berbanding dengan 24% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5). Bayaran ini terdiri daripada royalti dan yuran terutamanya untuk perolehan francais, penggunaan jenama antarabangsa dan bayaran kerana penggunaan teknologi baru dan teknologi yang dipertingkatkan.

Terdapat kritikan yang mengatakan Malaysia terlalu bergantung kepada teknologi asing dan gagal untuk membangunkan teknologinya sendiri. Contohnya, Malaysia merupakan pengeluar penghawa dingin terbesar dunia, tetapi firma Jepun merangkumi 90 peratus daripada jumlah eksportnya.

Kerajaan perlu menangani masalah pemindahan teknologi dengan lebih serius kerana pada masa ini, firma tempatan tidak dapat bersaing dengan firma asing terutamanya di dalam industri berteknologi tinggi, terutamanya pelaburan dan industri barang pertengahan. Ini menyebabkan firma tempatan cenderung untuk digantikan dengan firma asing.

4.3.5 Akses kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan

Usahawan tempatan yang terlibat dalam usahasama dengan rakan kongsi asing boleh akses dan mendapat kebaikan kepada kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di luar negara. Di Malaysia, peruntukan bagi R&D adalah kecil berbanding negara-negara yang lebih maju. Contohnya, peruntukan kewangan kepada aktiviti R&D di Malaysia lebih kurang 0.5-0.6 % daripada KDNK, berbanding 1-3% oleh negara maju.

Walau bagaimanapun, keadaan ini sedikit demi sedikit diperbaiki dengan penubuhan pusat-pusat R&D di Malaysia oleh syarikat-syarikat asing. Contohnya Sharp Corporation dari Jepun telah membina pusat R&D yang bernilai RM20 billion di Batu Pahat, Johor, dengan kemudahan-kemudahan penyelidikan di bidang elektronik dan reka bentuk mekanikal, pembangunan barangan dan analisis kejuruteraan. Di samping itu, Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7) melaporkan bahawa, kerajaan telah menaikkan peruntukan R&D kepada 2% menjelang tahun 2000.

4.3.6 Pembangunan industri sokongan / rangkaian industri

PLA memainkan peranan penting dalam membantu pembangunan industri-industri sokongan tempatan dengan menyediakan rangkaian hadapan dan rangkaian kebelakang. Ini penting bagi memastikan pertumbuhan industri sentiasa pada kadar yang tinggi. Ia boleh dilakukan jika syarikat-syarikat yang

mempunyai pelaburan asing ini tidak terlalu bergantung kepada input yang diimport, sebaliknya menggunakan lebih banyak input tempatan. Bagi memastikan wujudnya rantai ini, kerajaan perlu memastikan industri-industri sokongan tempatan berdaya saing.

Tahap rantai di antara firma-firma di kawasan-kawasan Zon Perdagangan Bebas dengan ekonomi tempatan, melalui pembelian bahan-bahan mentah keluaran tempatan dan kelengkapan modal adalah mengecewakan. Walau bagaimanapun, keadaan ini terjadi bukan disebabkan oleh keengganan firma-firma asing untuk membuat pembelian tempatan, tetapi bahan-bahan yang diperlukan tidak menepati kualiti yang dikehendaki. Input yang berkualiti dengan harga yang sesuai (harga dunia) penting kepada firma-firma antarabangsa bagi menjamin persaingan.

Manakala satu kajian yang dijalankan ke atas pelaburan Jepun di tahun 1960an mendapati bahawa, pelaburan mereka menggunakan bahan tempatan yang rendah, memberikan latihan yang minimum kepada pekerja Malaysia dan tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan syarikat-syarikat tempatan. Walau bagaimanapun, mereka merupakan pembekal penting kepada teknologi terutamanya dalam bentuk peralatan dan kelengkapan.

Hasil kajian ke atas sembilan projek pembuatan mendapati bahawa pelaburan dari Jepun mewujudkan rantai kebelakang melalui penggunaan

perkhidmatan seperti pembinaan, pengagihan dan pelbagai barangan tempatan lain.

4.3.7 Akses kepada pasaran eksport

Syarikat-syarikat asing yang besar (MNCs) boleh bertahan kerana ia mempunyai aset tidak ketara seperti kemahiran pengurusan, teknologi tinggi, jenama dan kebolehan pemasaran yang baik. Mereka mempunyai sumber-sumber yang banyak yang bukan sahaja penting dalam mengekalkan syer pasaran mereka, tetapi juga bagi memperluaskannya, yang selalunya dicapai melalui pembangunan teknologi dan pengiklanan.

Tambahan pula, mereka mempunyai sumber kewangan yang kukuh yang boleh digunakan jika kitaran perniagaan tidak menguntungkan mereka. Keadaan ini menyebabkan wujud halangan bagi negara-negara membangun untuk menembusi pasaran antarabangsa. Oleh sebab itu, Malaysia seperti juga negara-negara membangun yang lain, bergantung kepada syarikat-syarikat asing sebagai alat bagi menembusi pasaran antarabangsa atau pasaran asing tersebut.

4.3.8 Ketidakseimbangan wilayah dan pengagihan

Di samping kesan positif PLA, terdapat juga pendapat dan hasil kajian yang menunjukkan bahawa faedah yang diharapkan daripada PLA ini tidak tercapai. Satu kajian yang dijalankan oleh kerajaan pada tahun 1960an mendapati bahawa

ketidakseimbangan di antara wilayah dan ketidakseimbangan pengagihan semakin meningkat kerana pelaburan oleh MNCs ini kebanyakannya tertumpu di kawasan yang telah sedia membangun.

4.3.9 Defisit di dalam imbalan pembayaran

Dari segi imbalan pembayaran, didapati bahawa, syarikat-syarikat ini bertanggungjawab terhadap aliran keluar besar-besaran pendapatan pelaburan yang jumlahnya melebihi modal jangka panjang yang diimport. Walau bagaimanapun, kesan negatif ini diimbangi oleh lebih dagangan yang besar yang dihasilkan oleh MNCs, menghasilkan imbalan pembayaran keseluruhan yang positif.

Di tahun-tahun 1980an, apabila Malaysia memulakan program perindustrian berat, banyak analisis awal berpendapat bahawa program perindustrian berat ini akan menghasilkan banyak kesan negatif. Walaupun ia diwujudkan dengan tujuan untuk menggalakkan rantai tempatan, tetapi industri ini terlalu bergantung kepada import. Di samping itu, pelaksanaannya memerlukan pinjaman luar yang tinggi yang menyebabkan beban kewangan yang besar kepada negara, terutamanya dengan peningkatan nilai yen ketika itu. Pada masa yang sama, industri berat ini bercorak intensif modal, menyebabkan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah kecil.

PLA memberikan kesan negatif kepada imbalan pembayaran Malaysia. Walaupun PLA merangsang perdagangan, sumbangan bersih kepada imbalan pembayaran berkurangan disebabkan oleh aliran keluar akibat daripada kecenderungan mengimport yang tinggi oleh firma-firma asing, pendapatan pelaburan yang dibawa balik ke negara asal, pembayaran teknikal dan royalti, serta pembayaran insuran dan pengangkutan.

Bagi tempoh 1980-1987, sumbangan PLA kepada imbalan pembayaran adalah negatif, dengan jumlah tertinggi pada tahun 1984 iaitu aliran keluar bersih RM 3.2 billion, hanya RM 0.4 billion kurang daripada nilai kemasukan kasar PLA pada tahun tersebut. Sebab utama ialah eksport bersih yang rendah berbanding pendapatan pelaburan yang dibawa balik dalam bentuk keuntungan dan dividen.

Apabila margin di antara eksport dan import agak tinggi dalam tahun 1988, kesan bersih PLA ke atas imbalan pembayaran menjadi positif. Manakala pada tahun 1989, apabila margin perdagangan dan aliran masuk modal bersih meningkat dua kali ganda, kesan bersih ke atas imbalan pembayaran meningkat dua belas kali ganda iaitu daripada RM307 juta dalam tahun 1988 kepada RM 3.8 billion dalam tahun 1989.

Dalam tahun 1991, defisit dalam imbalan perdagangan menyebabkan kesan bersih yang negatif ke atas imbalan pembayaran iaitu daripada lebih RM2.0 billion dalam tahun 1990 kepada defisit RM 1.1 billion dalam tahun

1991. Imbangan akaun semasa mengalami defisit yang berterusan sehingga tahun 1997. Walau bagaimanapun, ia mengalami lebih yang besar iaitu 13.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 1998, ekoran daripada kelembapan dalam pertumbuhan import akibat daripada krisis kewangan.

4.3.10 Penggunaan bahan tempatan yang rendah

Kemasukan besar-besaran PLA ke dalam negara telah menyebabkan peningkatan import barang pertengahan dan pelaburan yang menyumbang kepada peningkatan bil-bil import dan mengurangkan lebih dagangan, seterusnya menyebabkan defisit akaun semasa yang besar. Nisbah jumlah barang pelaburan kepada jumlah eksport meningkat daripada 25.2 peratus dalam tahun 1970 kepada 40 peratus dalam tahun 1996. Manakala nisbah barang pertengahan meningkat daripada 35.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 45.2 peratus dalam tahun 1996. Kandungan import yang tinggi oleh pengeluar-pengeluar Malaysia ini juga menggambarkan nilai ditambah domestik yang rendah dan rantaian domestik yang terhad.

Didapati bahawa, firma asing di Malaysia lebih berorientasikan eksport, tetapi juga menggunakan atau mempunyai kandungan import yang tinggi. Pada tahun 1990, firma-firma AS membelanjakan sebanyak RM600 juta ke atas bahan mentah tempatan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, jumlah ini masih lagi rendah.

Apabila kerajaan mensyaratkan firma asing menggunakan input tempatan (keperluan kandungan tempatan-LCR), PLA akan meningkatkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pemindahan teknologi. Didapati bahawa, Malaysia (pada tahun 1990) mengenakan syarat sehingga 60% keperluan kandungan tempatan dalam industri automobil.

4.3.11 Saingan kepada firma-firma tempatan

Melalui pelaburan langsung asing, MNCs mula bertapak di Malaysia. Pembukaan syarikat MNCs yang teguh kedudukannya dibimbangi akan menenggelamkan syarikat-syarikat tempatan. MNCs boleh mendapatkan modal daripada anak-anak syarikat di negara-negara lain untuk mengurangkan kos di negara tuan rumah. Kelebihan ini akan melemahkan syarikat tempatan dan seterusnya membolehkan MNCs memonopoli pasaran.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Realisasi “Wawasan 2020” yang akan merubah Malaysia kepada negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 sebahagiannya akan bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pelaburan langsung asing. PLA sangat perlu bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya saing di peringkat antarabangsa dari segi keluaran baru, proses dan jalinan pemasaran. Ini bermaksud, Malaysia perlu meneruskan polisi-polisi yang liberal terhadap PLA. Struktur insentif perlu dirangka sebaik mungkin bagi mengekalkan dan menarik pelabur-pelabur asing.

Pelaburan langsung asing patut dilihat sebagai pelengkap, bukan pengganti kepada sumber modal tempatan. Pendapat ini akan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya ditingkatkan sumber modal tempatan iaitu tabungan. Jika sumber modal asing berkurangan, teknologi perlu diperolehi melalui cara lain, contohnya melalui perjanjian perlesenan. Walaupun kaedah ini memerlukan kapasiti penyerapan teknologi yang tinggi, ia boleh dicapai melalui pelaburan tinggi di dalam modal manusia.

Walaupun terdapat bukti yang menunjukkan PLA mendatangkan kesan negatif kepada imbalan pembayaran, keadaan ini akan dapat diatasi jika kerajaan menggalakkan firma asing untuk mengeksport lebih banyak berbanding import, bagi memastikan firma asing tersebut tidak membawa keluar lebih banyak berbanding apa yang dibawa masuk ke dalam negara.

Malaysia perlu berhati-hati terhadap sentimen nasionalisma yang ekstrem, satu fenomena yang boleh menakutkan pelabur asing. Perlu diingatkan bahawa, pelaburan asing merupakan 'positive-sum game' yang memberi faedah kepada kedua-dua negara asal dan negara tuanrumah. Imbalan pembayaran negara tuanrumah memberikan gambaran kecil sahaja kesan PLA, sumbangannya kepada keluaran negara, pekerjaan, pembangunan kemahiran, pembangunan wilayah dan lain-lain tidak ditunjukkan. Defisit dalam imbalan pembayaran selalunya hanya bersifat sementara. Tidak banyak yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi menyekat aliran keluar keuntungan dan dividen oleh pelabur asing. Satu-satunya cara yang boleh dan telah dilakukan ialah melalui pelaburan di luar negara bagi menjana aliran masuk pembayaran faktor.

Kerajaan perlu menggalakkan firma asing menggunakan secara eksklusif input tempatan. Apabila ini berlaku, PLA akan menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan. Bagi memastikan firma asing menggunakan input tempatan, pembekal-pembekal tempatan perlu memastikan input yang ditawarkan adalah bermutu dan pada harga yang kompetitif. Ini penting bagi menjamin mutu dan harga barangan yang boleh bersaing di pasaran antarabangsa.

Bagi memastikan berlakunya pemindahan teknologi yang lebih besar, kerajaan patut menggalakkan lebih banyak PLA dalam bentuk usahasama. Ini kerana, didapati bahawa bentuk usahasama lebih berjaya memindahkan teknologi asing kepada pengurusan dan pekerja tempatan. Oleh kerana itu, pelaburan daripada Jepun perlu ditingkatkan kerana firma Jepun lebih berminat melabur dalam bentuk usahasama berbanding firma asing lain seperti AS.

Satu faktor lain yang boleh menjamin kejayaan pemindahan teknologi kepada pekerja tempatan ialah kemahiran yang dimiliki oleh pekerja tempatan itu sendiri. Oleh kerana itu, pembangunan sumber tenaga tempatan perlu ditingkatkan bagi menjamin pekerja tempatan yang terlibat dengan firma asing mempunyai kemahiran yang tinggi dan dapat menyerap teknologi dan kemahiran yang cuba disampaikan. Polisi-polisi yang berkaitan dengan pendidikan dan latihan bagi meningkatkan kualiti modal manusia akan dapat meningkatkan kelebihan lokasi negara. Langkah terbaru yang dilakukan melalui penggunaan bahasa Inggeris di dalam matapelajaran Sains dan Matematik adalah satu langkah bijak dalam menyediakan dan meningkatkan kemahiran sumber tenaga manusia tempatan.

Di samping itu, kerajaan perlu menapis teknologi yang dibawa masuk oleh pelabur asing. Ini penting kerana bukan semua teknologi yang dibawa sesuai bagi kegunaan dan keperluan negara. Pemilihan teknologi ini akan membolehkan negara memastikan penawaran buruh separuh mahir dan tidak mahir dapat diserap ke dalam pengeluaran yang lebih standard.

Selain daripada kepentingan kestabilan politik, asas-asas makroekonomi yang kuat dan faktor-faktor penentu tradisional yang lain, pelabur asing juga mementingkan keselamatan dari segi hak intelektual. Maka sebagai salah satu cara bagi menarik pelabur asing, kerajaan perlu meningkatkan keyakinan mereka terhadap penjagaan hak intelektual di Malaysia ke atas pemilik asal sesuatu barangan atau idea kreatif seperti patens, tandanama, hakcipta, dan lain-lain jenis hak intelektual.

Secara umumnya, polisi yang liberal mendatangkan kesan baik kepada ekonomi. Semenjak pengenalan polisi yang lebih liberal terhadap pelabur asing ini, Malaysia berjaya meningkatkan jumlah pekerjaan dan jumlah pengeluaran terutamanya untuk eksport. Pelaburan langsung asing juga membantu dalam pengumpulan stok modal, membantu meningkatkan jumlah produktiviti faktor dan perubahan struktur ekonomi negara. Walaupun kesannya kepada pelbagai industri berbeza, tetapi ia didapati menyumbang kepada pembentukan “keajaiban ekonomi” di Malaysia. Oleh sebab itu, kerajaan perlu meneruskan polisi ini bagi menjamin pertumbuhan yang berterusan. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu berhati-hati kerana suasana ekonomi global yang tidak menentu dan semakin mencabar mungkin akan memaksa perubahan dilakukan.

Pelaburan langsung asing merupakan sumber yang terhad. Semua negara di dunia termasuklah negara-negara maju berlumba-lumba untuk mendapatkan sumber pelaburan yang terhad ini. Oleh kerana itu, Malaysia perlu mewujudkan suasana negara yang menarik dan mampu menggalakkan kemasukan lebih banyak pelaburan asing. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah menjalankan pelbagai langkah bagi memastikan iklim pelaburan yang baik yang akan menarik pelabur asing. Walau bagaimanapun,

insentif sahaja tidak mencukupi. Kecekapan usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat Malaysia serta input-input lain seperti bahan mentah dan pekerja akan membantu kejayaan negara.

Pelaburan langsung asing penting kepada pertumbuhan sesebuah negara. Peranan yang dimainkannya telah terbukti. Walaupun terdapat kesan negatif atau objektif yang dikehendaki oleh negara penerima tidak tercapai sepenuhnya, tetapi sumbangan positifnya adalah besar dan telah terbukti di kebanyakan negara. Oleh sebab itu, penting bagi Malaysia untuk menjamin negara tetap menjadi keutamaan kepada pelaburan asing, lebih-lebih lagi di era globalisasi dan liberalisasi dimana persaingan untuk menarik pelaburan asing ini semakin sengit.

RUJUKAN

Amirahmadi, H. & Wu, W. (1994). Foreign direct investment in developing countries. *The Journal of Developing Areas*, 28, 167-190.

Ariff, M. & Danaraj, N. (1992). *The Malaysian economy and business opportunities for foreign enterprise*. Kuala Lumpur : PITO.

Ariff, M. & Lim, C.P (1982). Foreign investment in Malaysia. Dalam C.Vincent & B. Persaud, *Developing with foreign investment* (pp. 101-121). New York: Croom Helm.

Ariff, M. & Yokoyama, H. (1992). *FDI in Malaysia*. Tokyo : Institute of developing economies.

Asafu-Adjaye, J. (2000). The effects of foreign direct investment on Indonesia economic growth, 1970-1996. *Economic Analysis and Policy*, 30, no. 1, 49-62.

Asian Development Bank. (2001). *Growth and change in Asia and the Pacific: Key indicators 2001 of developing Asian and Pacific countries*. Oxford University Press.

Athukorala, P. (1995). Foreign direct investment and manufacturing for export in a new exporting country : The case of Sri Lanka. *The World Economy*, 18, no.4, 543-564.

Bank Negara Malaysia. *Laporan Tahunan*. Pelbagai keluaran. Kuala Lumpur : Percetakan Negara.

Belderbos, R., Capannelli, G., & Fukao, K. (2001). Backward vertical linkages of foreign manufacturing affiliates : Evidence from Japanese multinationals. *World Development*, 29, no.1, 189-208.

Boltho, A., Dadush, U., & Otsubo, S. (1996). China's emergence: Prospects, opportunities and challenges. *Asian Economic Journal*, 10, no.3, 271-289.

Brookfield, H. (1994). *Transformation with industrilization in Peninsular Malaysia*. Oxford University Press : New York.

Chen, T. dan Hu, Y. (2000). The effect of foreign direct investment on firm growth : The case of Taiwan's manufacturers. *Japan and The World Economy*, 12, 153-172.

DeRosa, D. A. (1998). Foreign trade and investment policies in developing Asia. *Asian Development Review*, 16, no. 2, 96-131.

Dunning, J. (1988). Trade, location of economic activity and the multinational enterprise : A search for an eclectic approach. Dalam J.H. Dunning, *The theory of transnational corporations*, 1993, vol 1 (pp. 183-218). London : Routledge.

Dunning, J. H. (1993). Introduction : The nature of transnational corporations and their activities. Dalam J. H. Dunning, *The theory of transnational corporations*, 1993, vol 1 (pp. 1-16). London : Routledge.

Dunning, J.H. & Archer, H. (1987). The eclectic paradigm and the growth of UK multinational enterprise 1870-1983. Dalam G. Jones, *Transnational corporations : A historical perspective*, 1993, vol 2 (pp.19-49). London : Routledge.

Edwards, C. (1994). The role of foreign direct investment. Dalam *Malaysian development and experience: Changes and challenges*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration.

Elek, A. dan Wilson, D. (1999). The East Asian crisis and international capital markets. *Asian-Pacific Economic Literature*, 13, no.1, 1-21.

Enos, J., Lall, S. & Yun, M. (1997). Transfer of technology : An update. *Asian-Pacific Economic Literature*, 11, no.1, 56-66.

Ethier, W. J. (1986). The multinational firm. *The Quarterly Journal of Economics*, 101, no.4, 805-833.

Fong, P.E.(1982). Foreign investment and the state in Singapore. Dalam C.Vincent & B. Persaud , *Developing with foreign investment*. New York: Croom Helm.

Gershenberg, I. (1987). The training and spread of managerial know-how, a comparative analysis of multinational and other firms in Kenya. *World Development*, 15, no.7, 931-939.

Grenville, S. (1999). Capital flows and crises. *Asian-Pacific Economic Literature*, 13, no.2, 1-15.

Haddad, M. & Harrison, A. (1993). Are there positive spillovers from direct foreign investment? Evidence from panel data for Morroco. *Journal of Development Economics*, 42, 51-74.

Hill, H. dan Athukorala, P. (1998). Foreign investment in East Asia. *Asian-Pacific Economic Literature*, 12, no.2, 23-50.

Jomo, K. S. & Kiong, W. H. (2001). *The impact of foreign capital inflows on the Malaysian economy, 1966-96*. Kuala Lumpur : University of Malaya.

Kulasingam, M. & Siew EE, T. (1982). *Changing patterns of foreign investments in Malaysia : Determinants, issues and implications*. Kuala Lumpur : USM.

Lahiri, S. & Ono, Y. (1998). Foreign direct investment, local content requirement, and profit taxation. *The Economic Journal*, 108, 444-457.

Lall, S. (1993). Foreign direct investment in South Asia. *Asian Development Review*, 11, no.1, 103-119.

Lim L.Y.C dan Fong P.E.(1991). *Foreign direct investment and industrialization in Malaysia, Singapore, Taiwan and Thailand*. Paris : Development Centre Studies.

Lin, C.S.(1995). Production function, factor substitution, and direct foreign investment: A case study in Taiwan. *Asian Economic Journal*, 9, no.2, 193-203.

Lindblad, J. T. (1997). Foreign investment in Southeast Asia in historical perspective. *Asian Economic Journal*, 11, no.1, 61-79.

Lindsey, C. (1986). Transfer of technology to the ASEAN regions by U.S. transnational corporations. *ASEAN Economic Bulletin*, 3, no.2, 225-247.

Lucas, R. E. B. (1993). On the determinants of direct foreign investment : Evidence from East and Southeast Asia. *World Development*, 21, no.3, 391-406.

Marton, K. (1986). Technology transfer to developing countries via multinationals. *The World Economy*, 9, no.4, 409-426.

Mohd Nazari Ismail & Siti Arni Basir. (2001). Modal asing dan kemerdekaan negara. Dalam *Pemikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nazari Ismail (1995). *Transnational corporations and economic development : A study of the Malaysian electronics industry*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press.

Mohd. Ismail Ahmad (1990). *Foreign manufacturing investments in resource-based industries: Comparisons between Malaysia and Thailand*. Research notes and discussions paper no.71: Asean economic research unit.

Okamoto, Y. (1994). Impact of trade and FDI liberalization policies on the Malaysian economy. *The Developing Economies*, XXXII, no. 4, 460-478.

Otani, I. & Villanueva, D. (1990). Long-term growth in developing countries and its determinants : An empirical analysis. *World Development*, 18, no.6, 769-783.

Padayachee, V. (1995). Foreign capital and economic development in South Africa : Recent trends and Postapartheid prospects. *World Development*, 23, no. 2, 163-177.

Paloni, A., Noorbakhsh, F. & Youssef, A. (2001). Human capital and FDI inflows to developing countries : New empirical evidence. *World Development*, 29, no.9, 1593-1610.

Pejabat Perdana Menteri. *Rancangan Malaysia*. Pelbagai keluaran. Kuala Lumpur : Percetakan Negara.

Phang, H. E. (1998). *FDI : A study of Malaysia's Balance of Payments position*. Kuala Lumpur : Pelanduk Publications.

Qiu, L. D. & Tao, Z. (2001). Export, foreign direct investment, and local content requirement. *Journal of Development Economics*, 66, 101-125.

Rana, P. B. & Dowling, J. M. (1988). The impact of foreign capital on growth : Evidences from Asian developing countries. *The Developing Economies*, XXV1. no. 1, 3-11.

Ruffin, R. J. (1998). The role of foreign investment in the economic growth of the Asian and Pacific region. *Asian Development Review*, 16, no.2, 1-25.

Santiago, C. E. (1987). The impact of foreign direct investment on export structure and employment generation. *World Development*, 15, no.3, 317-328.